AMANULLAH BIN HAJI ALI HASSAN lwn. HAJJAH JAMALIAH BT. SHEIK MADAR*

[Mahkamah Tinggi (Syed Othman H.) Ogos 27hb. 1974]
[Johore Bahru — Probet Bil. 1 Tahun 1973]

Undang-undang Islam — Wasiat — Sah atau tidaknya — Wasiat dibuat tatkala pewasiat berada di dalam keadaan tidak sedarkan diri semasa sakit — Penyerahan lebih daripada satu-pertiga daripada harta simati — Warisan kepada waris — Ordinan Wasiat 1959.

Pihak yang menuntut mendakwa dirinya sebagai wasi dan pemegang amanah tunggal yang namanya tertulis di dalam wasiat bapanya, Haji Hassan bin Zultran bertarikh 24hb. Februari 1968. Bapanya (Haji Hassan bin Zulfran) telah meninggal dunia pada 27hb. Februari 1968. Pihak yang menuntut membuat tuntutan supaya wasiat itu diiktiraf; atau sebagai alternatif, dia menuntut supaya diberi hak kepadanya sebanyak satu-pertiga daripada semua bahagian harta simati yang namanya tertulis di dalam wasiat itu mengikut Undang-undang Islam. Di dalam wasiat itu, pihak yang menuntut telah diberikan seluruh harta simati.

Pihak yang kenatuntut pula menghujjah bahawa wasiat itu tidak sah kerana wasiat itu disempurnakan tatkala simati sedang berada di dalam keadaan tidak sempurna akal fikirannya dan tidak sedar apa yang sedang berlaku, dan oleh yang demikian itu pihak yang menuntut hanya berhak di atas bahagiannya sahaja menurut Undang-undang Islam mengenai pembahagian harta pesaka. Dia (Hajjah Jamaliah) juga membuat tuntutanbalas untuk mendapatkan kuasa pelaksanaan wasiat simati di bawah probate bertarikh 7hb. Mei 1961 yang menamakan pihak yang menuntut dengan pihak yang kenatuntut sebagai wasi dan pemegang amanah serta mengarahkan mereka supaya membahagikan harta itu mengikut Undang-undang Islam.

Diputuskan: (1) di atas keterangan Wasiat 1968 itu telah dibuat oleh simati tatkala ia sedang berada di dalam keadaan tidak sedarkan diri semasa sakit dan oleh yang demikian wasiat itu tidak dibuat secara sah;

(2) meskipun wasiat itu dibuat secara sah, ianya terbatal kerana wasiat itu bertujuan untuk melupuskan lebih daripada satu-pertiga daripada harta itu dan kerana ianya juga bertujuan memberi faedah kepada seorang daripada waris-waris pewasiat;

(3) tidak ada pertikaian bahawa pewasiat telah membuat wasiat 1961 dan oleh kerana wasiat itu tidak berlawanan dengan Undang-undang Islam, maka ianya hendaklah diserahkan kepada probate (untuk dibahagikan menurut undang-undang).

Kes-kes yang dirujuk:

(1) *Shaik Abdul Latif* v. *Shaik Elais Bux* (1915) 1 F.M.S.L.R. 204.

(2) *Siti* v. *Mohamad Nor* (1928) 6 F.M.S.L.R. 135.

PERBICARAAN PROBET.

C.H. Lim (bersama *Hooi Sook Heng*) bagi pihak yang menuntut.

Abdullah bin Abdul Rahman (bersama *Lee Lim Jin*) bagi pihak yang kenatuntut.

Syed Othman H.: Pihak yang menuntut mendakwa dirinya sebagai wasi dan pemegang amanah tunggal yang namanya tertulis di dalam wasiat bapanya, Haji Hassan bin Zulfran (simati) bertarikh 24hb Februari, 1968 (Wasiat 1968) yang meninggal dunia pada 27hb Februari, 1968. Dia menuntut supaya wasiat itu diiktiraf; sebagai alternatif dia mendakwa bahawa dia berhak ke atas satu-pertiga bahagian semua harta yang telah dinamakan wasiat itu di bawah Undang-undang Islam.

Pihak yang kenatuntut menghujah bahawa wasiat itu tidak sah dengan alasan bahawa apakala ianya disempurnakan simati tidak berfikiran siuman, tidak siuman ingatannya dan tidak siuman kefahamannya dan bahawa pihak yang menuntut hanya berhak di atas bahagiannya sahaja menurut Undang-undang Pembahagian Islam. Dia juga menuntut-balas melafazkan bantahan terhadap Wasiat 1968 dan menyokong wasiat simati bertarikh 7hb Mei, 1961 (Wasiat 1961).

Pihak yang menuntut dalam jawapannya menyatakan bahawa pada ketika simati menyempurnakan Wasiat 1961 ia tidak tahu dan tidak memperkenankan kandungannya, dan alternatif keduanya Wasiat 1961 telah dibatalkan oleh Wasiat 1968.

Kes untuk pihak yang menuntut ringkasnya adalah seperti berikut: pada 24hb Februari, 1968 simati sedang sakit di Rumah Sakit Umum Johor Bharu. Saudara-saudara rapat serta pihak yang kenatuntut berada di dalam bilik di mana simati telah dimasukkan. Simati terlalu lemah. Dia menyuruh pihak yang menuntut memanggil seorang peguam. Pihak yang menuntut pun keluar lalu menjemput Encik Sim Teo Geok yang dekat dengan rumahnya. Kedua-dua orang ini datang semula ke rumah sakit. Simati memberi arahan menyediakan suatu wasiat. Mereka pergi semula ke rumah Encik Sim. Encik Sim menyediakan suatu wasiat. Kemudian pihak yang menuntut membawa Encik Wan Hashim, seorang sahabat keluarganya, datang bersama dan menjadi seorang saksi. Kesemua mereka pergi ke rumah sakit. Ketika itu pukul 9.00 malam. Kesemua ahli keluarga berada di dalam bilik simati. Encik Sim bercakap dengan bahasa Inggeris. Dia tidak bercakap banyak. Oleh kerana tangan simati telah lumpuh Encik Sim dengan bantuan Abdul Rashid, adik kepada pihak yang menuntut, (DW4), berjaya menurunkan cap jari kanan simati ke atas wasiat itu. Encik Wan Hashim membacakan terjemahan wasiat itu kepada perhimpunan itu. Kemudian kedua-duanya, Encik Sim dan Encik Wan Hashim menurunkan tandatangan mereka sebagai saksi.

Cerita pihak yang kenatuntut secara ringkas adalah seperti berikut. Simati pada mulanya dimasukkan ke hospital pada 13hb Februari, 1968. Menurut Datuk Dr. Lim Kee Jin, yang mengawasi rawatan dan kenal akan keluarga itu menyatakan bahawa simati itu mengidap penyakit lumpuh di bahagian kanan badannya; dia juga menderitai penyakit kencing manis yang kronik; dia telah pengsan tatkala berada di hospital dari 13hb hingga 18hb Februari, walaupun demikian dia nampaknya dapat menjawab soalan pada 18hb Februari apabila dia telah dikeluarkan dari hospital atas permintaan keluarganya. Dia dimasukkan semula pada 24hb Februari, 1968. Kali ini dia tidak sedarkan diri dan kelu. Datuk Lim berpendapat bahawa simati tidak boleh menjawab soalan-soalan pada 24hb Februari, 1968. Saksi lain bagi pihak yang kenatuntut, iaitu yang kenatuntut itu sendiri (DW2) dan Abdul Rashid (DW4) juga menyatakan bahawa simati berada di dalam keadaan pengsan apakala wasiat itu dibuat. DW2 menyatakan bahawa simati mendapat stroke di rumah pada 13hb Februari, 1968. Dari waktu itu hingga matinya, dia tidak dapat bercakap, dan pada kali kedua dimasukkan ke hospital. dia sedang sakit tenat.

---

* Dialihbahasa dari [1975] 1 M.L.J. 30 oleh Encik Nadzar bin Mohamad Shariff, Guru Bahasa, Universiti Malaya.

Dia tidak boleh menggerakkan anggota badannya. Abdul Rashid (DW4) menyatakan bahawa dia pulang dari seberang laut setelah mendengar bapanya sakit pada 21hb Februari, 1968. Dia menyatakan bahawa dia tidak mendapat apa-apa jawapan daripada simati apabila dia bercakap dengannya, dan bahawa dia membantu mendapatkan cap ibu jari simati ke atas wasiat itu atas permintaan pihak yang menuntut yang telah memberitahunya bahawa oleh sebab simati telah tidak membuat satu wasiat, maka adalah perlu dibuat satu.

Dengan Wasiat 1968, simati membatalkan kesemua wasiat yang terdahulu dan wasiat tambahan serta mengisytiharkan itulah wasiatnya yang terakhir melantik pihak kenatuntut wasi dan pemegang amanahnya yang tunggal dan memberi semua hartanya, tanah dan lain-lain kepada pihak menuntut. Dengan wasiat 1961, simati membatalkan semua wasiat yang terdahulu serta mengisytiharkan itulah wasiatnya yang terakhir melantik pihak kenatuntut dan pihak yang menuntut wasi-wasi serta pemegang-pemegang amanah mengarahkan pemegang-pemegang amanah itu membahagikan hartanya menurut Undang-undang Islam, melantik pihak yang kenatuntut sahaja menjadi penjaga waris dan harta anak-anak lelakinya yang dibawah umur dan sekiranya pihak kenatuntut itu mati, Haji Annuar bin Haji Abdul Malik dilantik menjadi penjaga dan pemegang amanah lain bersama dengan pihak yang menuntut di dalam wasiat itu.

Di pihak yang menuntut, dalam mengemukakan keterangan nampaknya tidak mempertikaikan bahawa simati itu lumpuh apakala wasiat 1968 itu disempurnakan dan hanya ingin menunjukkan dengan keterangan pihak yang menuntut serta peguam Encik Sim, bahawa meskipun lumpuh, simati adalah sedar dan boleh bercakap serta boleh menerangkan apa yang hendak dibuat dengan cara yang boleh difahami. Tetapi saya dapati Encik Wan Hashim di dalam keterangannya tidak menyokong keterangan itu.

Encik Wan Hashim menyatakan bahawa semasa Encik Sim membacakan wasiat itu, dia tidak dengar simati itu berkata-kata. Kemudiannya, dia berkata, "Bila saya melihat simati, saya nampak dia sedang berbaring di katilnya. Saya fikir dia sedar. Matanya terbuka. Dia bercakap tetapi tidak jelas buah-butirnya." Tetapi di dalam pemeriksaan balas dia berkata, "Saya membacakan wasiat itu kepadanya dan kepada semua orang di dalam bilik itu. Sambil membaca wasiat itu saya juga memandang kepadanya. Simati sedang memandang ke atas. Dia tidak memandang kepada saya. Saya tidak melihat anggukan daripadanya. Tetapi saya lihat bibirnya bergerak-gerak tetapi tidak ada perkataan yang terbit." Bila disoal oleh mahkamah dia menyatakan dia pergi ke sana untuk membantu pihak yang menuntut. Sekarang Encik Wan Hashim dengan keterangannya sendiri menyatakan dia sudah lama mengenali simati secara akrab. Mereka pernah bekerja bersama-sama pada suatu ketika di Jabatan Kerjaraya. Pada hakikatnya, kalaulah simati boleh bercakap, sebagai yang didakwa oleh Encik Sim dan pihak yang menuntut, menurut kebiasaan kelakuan manusia dengan menimbang hubungan yang lepas di antara Encik Wan Hashim dengan simati tentulah mereka akan bercakap antara satu dengan lain.

Akan tetapi Encik Wan Hashim tidak memberi keterangan yang dia bercakap dengan simati atau simati bercakap dengannya, ataupun memintanya menjadi seorang saksi kepada wasiat yang dia sedang buat. Kesemua tanda menunjukkan bahawa Encik Wan Hashim mengetahui bahawa simati tidak sedarkan diri dan tidak boleh berkata-kata. Keterangan Encik Wan Hashim jelas bercanggah dengan keterangan pihak yang menuntut dan keterangan Encik Sim.

Selain daripada itu, memandangkan keterangan bahawa simati sedang sakit tenat pada ketika itu, saya berpendapat bahawa pihak yang menuntut seharusnya telah memanggil doktor yang merawat simati untuk menunjukkan simati berada di dalam keadaan sihat otaknya untuk membuat wasiat itu. Kegagalan mengemukakan keterangan ini di dalam suasana kes ini seharusnya berlaku, saya fikir menimbulkan kesimpulan yang berlawanan dengan kes yang menuntut.

Keterangan pihak kenatuntut baik keterangan perubatan mahupun keterangan fakta, saya dapati dengan penuh yakin menunjukkan bahawa simati adalah sesungguhnya tidak sedarkan diri daripada waktu dia dimasukkan ke rumah sakit pada 24hb Februari, 1968 hingga waktu matinya pada 27hb Februari, 1968. Daripada suasana keliling, saya tidak nampak pada petang itu juga apakala Wasiat 1968 itu dikatakan telah dibuat, simati boleh pula sedarkan diri. Saya menolak keterangan pihak yang menuntut dan keterangan Encik Sim bahawa simati, boleh bercakap. Saya berpendapat bahawa mereka itu bukanlah saksi-saksi kebenaran di dalam hal ini.

Menimbangkan keterangan bahawa simati itu adalah orang yang alim dan berpengetahuan di dalam Undang-undang Islam, saya puashati, jika dia boleh berfikir dengan betul, dia tidak akan membuat wasiat itu. Dia tentu akan mengetahui bahawa ini adalah bertentangan dengan akhlak dan ugama Islam, bagi mana-mana orang Islam membuat satu wasiat yang melupuskan kesemua harta bagi faedah hanya seorang atau kepada yang berhak menerima faedah amanah dan membelakangkan terus lain-lain orang yang berhak menerima faedah amanah seluruhnya daripada apa-apa bahagian.

Saya menolak seluruhnya keterangan pihak yang menuntut bahawa simati telah bercakap kepadanya sebelum kematian simati bahawa simati mahu menyerahkan semua hartanya kepada pihak yang menuntut supaya pihak yang menuntut boleh menjaga anak perempuan simati yang telah janda bersama-sama dengan anak-anaknya. Meskipun di atas keterangan pihak yang menuntut itu sendiri, tidaklah boleh dikatakan bahawa pihak yang menuntut sebenarnya telah menjaga sijanda itu. Keterangan itu juga menunjukkan bahawa simati itu tatkala hidupnya telah membahagikan harta kepada anak-anaknya termasuk pihak yang menuntut dan juga anak perempuannya yang janda itu. Sebenarnya, jika simati mahu membuat peruntukan yang lebih kepada anak perempuannya, saya nampak tidak ada sebab mengapa simati tidak boleh melakukannya dengan memberikannya terus kepada anak perempuan itu semasa hidupnya, tetapi menyerahkannya pula kepada pihak yang menuntut.

Meskipun sekiranya Wasiat 1968 itu sah dibuat, wasiat itu akan terbatal kerana ianya menyalahi dua prinsip Undang-undang Islam yang berikut:

(1) Suatu pemberian berwasiat adalah terbatal sekiranya ia dikatakan melupuskan lebih daripada satu-pertiga daripada harta itu. Dr. Ahmad Ibrahim dalam bukunya "Muslim Law in Malaya", dalam m.s. 267 dan 268 menyatakan:

> "Di dalam negeri-negeri Melayu kaedah di bawah Undang-undang Islam, bahawa seseorang itu mempunyai kuasa melupuskan dengan wasiat tidak lebih daripada satu-pertiga daripada harta kepunyaannya pada ketika matinya, adalah diikuti (*Shaik Abdul Latif* v. *Shaik Elias Bux*[1])."

Lihat juga Minhaj-et-Talibin m.s. 260 seksyen 2 dan seksyen 669 dan Tyabji tentang Undang-undang Islam citakan ke-4 m.s. 758.

(2) Suatu pemberian berwasiat adalah terbatal sekiranya ia dikatakan memberi faedah kepada mana-mana waris pewasiat. Undang-undang Islam nampaknya melarang seorang Islam daripada melupuskan hartanya dengan wasiat supaya orang yang berhak menerima faedah harta itu mendapat lebih daripada bahagiannya sebagai yang ditentukan oleh Undang-Undang Pembahagian Harta. Lihat seksyen 669(b) Tyabji tentang Undang-undang Islam pada m.s. 759. Dr. Ahmad Ibrahim dalam "Undang-undang Islam di Malaya" pada m.s. 268 menyatakan:

> "Wasiat seseorang Islam yang cuba lebih suka akan seseorang waris dengan memberi kepadanya sebahagian besar daripada hartanya lebih daripada apa yang dia berhak melalui Undang-undang Islam adalah kesemuanya terbatal kerana pemberian yang sedemikian adalah tanpa kerelaan waris-waris yang lain (*Siti* v. *Mohamed Nor*[2])".

Encik Lim, bagi pihak yang menuntut, telah mendesak bahawa pembisuan saudara-mara selepas Encik Wan Hashim membacakan wasiat itu hendaklah dianggap sebagai persetujuan yang dibuat oleh yang berhak menerima faedah harta ke atas pemberian harta itu di bawah Wasiat 1968. Pada fikiran saya, di dalam Undang-undang Islam, sebelum Mahkamah dapat menerima yang seseorang waris itu bersetuju dengan suatu wasiat itu di mana dikehendaki maka mestilah ditunjukkan bahawa wasiat itu telah dibuat secara sah dan bahawa waris itu juga menyatakan persetujuannya terhadap pemberian itu; dan jika wasiat itu tidak sah soal persetujuan tidak timbul. Natijah suatu akuan kelulusan kepada suatu pemberian di bawah wasiat yang dibuat dengan betul, menurut seorang juris, ialah bahawa waris itu mendermakan bahagiannya kepada orang yang diberikan pemberian itu. Lihat m.s. 261 Minhaj-et-Talibin. Di dalam kes ini saya nampak tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa mana-mana orang yang berhak menerima harta yang hadir ketika itu mengisytiharkan kelulusannya kepada pihak yang menuntut mengambil kesemua harta itu. Menimbangkan keadaan dalam mana dokumen itu telah dibuat, saya yakin bahawa pihak yang menuntut mengambil kesempatan daripada keadaan itu dengan mempergunakan tarafnya sebagai anak sulung di dalam keluarga dan dia tidak tahu tidak ada seorangpun berani mencabarnya dengan alasan tarafnya, dan istimewanya pada ketika itu — apakala yang lain itu lebih mengambil berat tentang simati yang sedang nazak apa yang dia nampaknya ambil-kira ialah mendapatkan harta simati untuk dirinya sendiri dengan apa cara jua. Di dalam keadaan ini, jika penjelasan tentang pembisuan saudara-mara itu dikehendaki, saya ertikannya sebagai penghinaan ke atas kelakuan pihak yang menuntut.

Keterangan yang berada di hadapan saya sebulatnya menunjukkan bahawa simati tidak berkemampuan membuat Wasiat 1968 kerana dia pengsan; saya dapati bahawa wasiat ini adalah kerja pihak yang menuntut saya kesal menyatakan, dengan bantuan aktif peguamnya Encik Sim. Kelakuan Encik Sim yang terkemudian itu menyokong perkara ini. Jikalau sebenarnya Encik Sim telah menerima daripada simati untuk menggubal wasiat itu, seperti yang didakwa oleh Encik Sim, tentulah Encik Sim akan meminta arahan daripada simati tentang apakah yang hendak dibuat dengan dokumen yang telah disempurnakan itu. Tetapi berlawanan dengan amalan biasa Encik Sim telah menyimpan wasiat itu tanpa apa-apa arahan daripada simati atau daripada sesiapa yang hadir, dan mengeluarkannya bila pihak yang menuntut memintanya selepas kematian simati. Hakikat bahawa Encik Sim tidak meminta arahan itu, pada hemat saya, hanya akan memperteguhkan lagi keterangan bahawa simati itu pengsan dan tidak dapat bercakap pada ketika itu. Ordinan Wasiat 1959 tidak boleh digunakan kepada orang Islam. Lihat seksyen 2(2). Akan tetapi Undang-undang Islam adalah sama seperti peruntukan berkanun dalam seksyen 3 yang berkehendakkan bahawa seseorang itu mestilah berfikiran waras apabila membuat sesuatu wasiat. "Islamic Law in Malaya" pada m.s. 263 berbunyi:

> "Keupayaan membuat wasiat dipersetujui oleh Undang-undang kepada setiap orang tanpa memperbezakan jantina, yang dewasa, sihat ingatannya dan bebas.... Keupayaan begitu tidak dipunyai oleh orang gila, oleh yang pengsan...."

Saya memutuskan bahawa Wasiat 1968 itu tidak sah dengan alasan simati sedang tidak sedarkan diri semasa wasiat itu diperbuat. Berhubung dengan Wasiat 1961, saya dapati tidak ada pertikaian langsung yang simati telah memperbuatnya. Ia semata-mata menamakan pihak yang menuntut dan pihak kenatuntut sebagai wasi-wasi serta pemegang-pemegang amanah dan mengarahkan mereka membahagikan harta itu menurut Undang-undang Islam. Pihak yang menuntut tidak mengemukakan apa-apa keterangan pun yang menunjukkan bahawa simati tidak tahu dan tidak memperkenankan kandungan wasiat ini sebagai yang ditegaskan oleh pihak kenatuntut kepada tuntut balas itu. Saya memutuskan pengesahan wasiat ini dan menerimanya untuk diprobet.

Sebelum saya selesai, ada dua perkara yang berkehendakkan perhatian. Sungguhpun hal ini menyakitkan saya, saya rasa bahawa saya gagal menjalankan tugas saya sekiranya saya tidak berbuat apa yang patut dilakukan.

(1) Sejauh ini keterangan yang dikemukakan di dalam kes ini menunjukkan bahawa terdapat berlakunya kesalahan berhubung *dengan pemalsuan* di mana saya telah membuat keputusan bahawa "Wasiat 1968" itu sebenarnya suatu dokumen palsu. Lihat seksyen 464 — huraian ketiga Ka-

nun Kesiksaan. Tetapi sejauh yang saya dapat fikirkan suatu penyiasatan lanjut hendaklah diadakan sebelum apa-apa tindakan jenayah boleh dimulakan. Saya mengarahkan Penolong Pendaftar Kanan menghantar satu salinan pembicaraan kes ini kepada Pendakwaraya untuk pertimbangan dan jika perlu, mengarahkan penyiasatan lanjut dan mengeluarkan satu keizinan mendakwa di bawah seksyen 129 Kanun Acara Jenayah.

(2) Keterangan itu pada hemat saya juga menunjukkan bahawa dalam tiga atau empat perkara Encik Sim tidak berkelakuan sebagai seorang professional. Saya juga mengarahkan Penolong Pendaftar Kanan menghantar satu salinan pembicaraan kes ini kepada Jawatankuasa Bar supaya jawatankuasa itu menimbangkan samada tindakan tatatertib patut dibuat terhadap Encik Sim kerana tidak berkelakuan sebagai seorang professional dalam mengembelingkan perkara-perkara yang membawa kepada pembuatan Wasiat 1968 itu dan juga hal yang berlaku selepas itu.

Tuntutan pihak yang menuntut dibuang-bicara dengan membayar perbelanjaan Mahkamah. Tuntutan balas pihak kenatuntut dibenarkan dengan membayar perbelanjaan Mahkamah. Kesemua perbelanjaan dibayar oleh pihak yang menuntut di atas skala yang tertinggi.

Tuntutan dibuang-bicara.
Tuntutan balas dibenarkan.

Peguamcara: *C.H. Lim & Hooi; Abdullah A. Rahman & Co.*

JAYARAMAN & LAIN-LAIN lwn. PENDAKWA RAYA*

[Bidangkuasa Penyemakan Jenayah (Harun H.) Februari 22hb. 1979]

[Kuala Lumpur — Penyemakan Jenayah Bil. 1 Tahun 1979]

Undang-undang dan Acara Jenayah — Tuduhan — Empat tuduhan terhadap lapan orang tertuduh — Sama ada boleh dibicara bersama — Urusan sama — Budibicara Mahkamah — Akta Mahkamah Kehakiman, 1964, s. 35 — Kanun Acara Jenayah (N.M.B. Bab 6), ss. 163, 165, 166 dan 170.

Dalam kes ini kelapan-lapan tertuduh telah dituduh bersama dengan empat tuduhan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang. Ketika pembicaraan dimulakan di hadapan Mahkamah Sesyen Timbalan Pendakwa Raya yang arif mohon supaya pembicaraan diteruskan atas tiga tuduhan yang pertama dan tuduhan yang keempat digantung. Pembelaan membantah langkah ini atas alasan tertuduh akan terancam kali-kedua kerana dua pembicaraan berasingan akan diadakan mengenai kesalahan yang dikatakan telah dilakukan dalam urusan sama. Yang di Pertua yang arif Mahkamah Sesyen perintah pembicaraan diteruskan atas tiga tuduhan yang pertama dan penggantungan pembicaraan mengenai tuduhan keempat. Atas permintaan pembelaan Yang di Pertua yang arif telah tangguh pembicaraan untuk membolehkan Mahkamah Tinggi beri arahan yang patut di bawah seksyen 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Diputuskan: (1) keempat-empat kesalahan dalam kes ini telah dilakukan dalam satu siri perbuatan yang kait-mengait sehingga menjadikan urusan sama dan kes ini terjatuh dalam kecualian yang terkandung dalam seksyen 170 Kanun Acara Jenayah dan kes-kes boleh dibicarakan bersama;

(2) kuasa budibicara untuk memerintah sama ada tuduhan patut dibicarakan bersama atau berasingan ialah kepunyaan mahkamah dan bukan pendakwaan. Dalam kes ini Mahkamah Sesyen patut diarah meneruskan pembicaraan bersama atas keempat-empat tuduhan.

Kes-kes yang dirujuk:-

(1) *Subramanian Ayyar* v. *King-Emperor* 28 I.A. 257.
(2) *Chin Choy* v. *Public Prosecutor* [1955] M.L.J. 237.
(3) *Lim Yean Leong* v. *Public Prosecutor* [1940] M.L.J. 216.
(4) *Babulal Choukhani* v. *Emperor* A.I.R. 1938 P.C. 130.
(5) *Cheong Sik Kwan* v. *Public Prosecutor* [1959] M.L.J. 189.
(6) *Amrita Lal Hazra* v. *Emperor* 42 Cal. 957.
(7) *Public Prosecutor* v. *Datuk Harun bin Haji Idris & Ors.* [1976] 2 M.L.J. 116.
(8) *R.* v. *Grondkowshi* dan *R.* v. *Malinowski* [1946] 1 K.B. 369.
(9) *R.* v. *Sakandar Khan* [1939] M.L.J. 123.
(10) *Mohamed Ramly b. Haji Rasip* v. *Public Prosecutor* [1941] M.L.J. 31.

PENYEMAKAN JENAYAH.

D.P. Vijendran (*Chandran* bersamanya) untuk pemohon.

Mohamed Shafee bin Mohamed Abdullah (Timbalan Pendakwa Raya) untuk pihak menentang.

Harun H.: Kelapan-lapan tertuduh ini telah dituduh bersama di hadapan Mahkamah Sesyen di Kelang seperti berikut:

Tuduhan Pertama:

Yang kamu bersama pada 19hb. Ogos, 1978, pada lebih kurang pukul 2.30 pagi di Kuil Sri Subramaniam, Kerling, dalam Daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor, dengan memenuhi niat bersama, telah menyebabkan kematian Mohd. Amin bin Doyak dengan niat melakukan kecederaan tubuh yang boleh menyebabkan kematian dan kamu telah dengan itu melakukan suatu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang, yang boleh dihukum di bawah *seksyen 304 Bahagian I* Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan *Seksyen 34* Kanun yang sama.

Tuduhan Ketiga:

Yang kamu bersama pada 19hb. Ogos, 1978, pada lebih kurang pukul 2.30 pagi di Kuil Sri Subramaniam, Kerling, dalam Daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor, dengan memenuhi niat bersama, telah menyebabkan kematian Mispan bin Tunut dengan niat melakukan kecederaan tubuh yang boleh menyebabkan kematian dan kamu telah dengan itu melakukan suatu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang, yang boleh dihukum di bawah *Seksyen 304 Bahagian I* Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan *Seksyen 34* Kanun yang sama.

Tuduhan Ketiga:

Yang kamu bersama pada 19hb. Ogos, 1978, pada lebih kurang pukul 2.30 pagi di Kuil Sri Subramaniam, Kerling, dalam Daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor, dengan memenuhi niat bersama, telah menyebabkan kematian Suppian bin Ali dengan niat melakukan kecederaan tubuh yang boleh menyebabkan kematian dan kamu telah dengan itu melakukan suatu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang, yang boleh dihukum di bawah *Seksyen 304 Bahagian I* Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan *Seksyen 34* Kanun yang sama.

Tuduhan Keempat:

Yang kamu bersama pada 19hb. Ogos, 1978, pada lebih kurang pukul 2.30 pagi di Kuil Sri Subramaniam, Kerling, dalam Daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor, dengan memenuhi niat bersama, telah menyebabkan kematian Ahmad

---

* Dialihbahasa dari [1979] 2 M.L.J. 88 oleh Mimi Kamariah binti Abdul Majid, LL.B. (Malaya), LL.M. (Monash), Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.